

## BRITAIN

(I)

KUALA LUMPUR, 22 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERITAHU SEROMBONGAN ANGGOTA PARLIMEN BRITAIN YANG SEDANG MELAWAT NEGARA INI BAHAWA HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN BRITAIN JAUH BERTAMBAH BAIK SEJAK LAWATAN RAKAN SEJAWATANNYA PUAN MARGARET THATCHER, TAHUN LEPAS.

JURUCAKAP WISMA PUTRA BERKATA DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYATAKAN HASRATNYA AGAR KERJASAMA KEDUA-DUA NEGARA AKAN DAPAT DIPERTINGKATKAN LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENERANGKAN KEPADA TIGA ANGGOTA PARLIMEN ITU, YANG MENJADI ANGGOTA JAWATANKUASA HAL EHWAL LUAR DEWAN RENDAH, MENGAPA MALAYSIA MENGAMALKAN DASAR +BELI BARANG BRITISH PALING AKHIR+ APABILA MEREKA MENGUNJUNGI BELIAU DI PEJABATNYA DI SINI.

JURUCAKAP ITU BERKATA PERDANA MENTERI MENYEBUT BAHAWA LAWATAN PUAN THATCHER KE SINI SEBAGAI YANG PERTAMA OLEH SEORANG PEMIMPIN BRITISH, 23 TAHUN SELEPAS MALAYSIA MERDEKA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BRITAIN TIDAK BEGITU MEMPEDULIKAN MALAYSIA DAN SEKALIPUN WUJUD KEPERLUAN BAGINYA MEMAJUKAN TENAGA MANUSIA BAGI MEMBANGUN NEGARA, BRITAIN TERUS MENAIKKAN KADAR YURAN BAGI PARA PELAJAR YANG INGIN MELANJUTKAN PELAJARAN DI SANA. - LAGI 2005MST 22 04 86

D099

B B694 AAB

## BRITAIN 2 KUALA LUMPUR

(I)

ROMBONGAN ITU YANG DIKETUAI OLEH ENCIK PETER THOMAS DALAM RANGKA LAWATAN TINJAUAN KE RANTAU INI DAN TINJAUAN MEREKA MENGENAI HUBUNGAN DUA HALA DENGAN NEGARA-NEGARA YANG DILAWATI AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA KERAJAAN BRITISH.

SEMENTARA ITU TIMBALAN MENTERI LUAR DATUK ABDUL KADIR SHEIKH FADZIR MEMBERTITAHU PEMBERITA SELEPAS PERBINCANGAN SELAMA 30 MINIT DENGAN PARA ANGGOTA PARLIMEN ITU BAHAWA MEREKA SEPENDAPAT BAHAWA BRITIAN TELAH KEHILANGAN +SEBAHAGIAN BESAR SUASANA MUHIBAH+ EKORAN KEPUTUSANNYA MENAIKKAN YURAN PELAJAR.

BELIAU JUGA MENYEBUT PERLUNYA KOMANWEL MEMAINKAN PERANAN PADA MENGGALAKKAN KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTANYA.

ROMBONGAN ITU TIBA DI SINI DARI JAKARTA MALAM TADI KERANA MELAKUKAN LAWATAN EMPAT HARI. - BERNAMA

2018MST 22 04 86